

28/05/2000

Penyokong Keadilan mula kecewa (HL)

Jamhariah Jaafar; M Magendran; Teh Kian Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan golongan muda yang menjadi penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mulai tawar hati dengan perjuangan sebenar parti itu.

Perdana Menteri berkata, mereka sedar perjuangan parti itu bukan lagi untuk mengadakan reformasi, tetapi memperjuangkan hanya nasib satu orang.

"Sekarang ini orang Keadilan pun dah tawar hati, termasuk golongan muda. Keadilan adalah parti bagi kebanyakan orang muda tetapi sekarang ini orang muda pun sudah berasa kecewa kerana mereka memperjuangkan bukan sesuatu reformasi, hanya nasib satu orang saja," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai pergolakan yang berlaku dalam Keadilan sekarang terutama desakan supaya Timbalan Presiden, Dr Chandra Muzaffar dan Setiausaha Agungnya, Mohd Anuar Tahir, meletak jawatan.

Kelmarin, 15 pemimpin Keadilan termasuk Naib Ketua Pemuda Kedah, Zuraidi Rahim, keluar dari parti itu dan menyertai Umno.

Mereka yang bertemu Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star, berkata antara sebab mereka membuat keputusan itu ialah hilang kepercayaan terhadap Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor, di samping tidak lagi yakin dengan perjuangan parti itu.

Dr Mahathir ketika mengulas lanjut berkata, pergolakan dalaman parti itu dapat dikesan terutama selepas kegagalan mereka mengadakan demonstrasi besar-besaran bagi memperingati ulang tahun bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan, pada 14 April lalu.

"Dr Chandra dan (Datin Seri) Wan Azizah (Wan Ismail) tidak menyokong demonstrasi itu, sebaliknya Anwar memberi arahan supaya mengadakan demonstrasi berkenaan... secara besar-besaran dan sudah tentu berharap ia akan bertukar menjadi keganasan," katanya.

Desakan supaya Dr Chandra dan Mohd Anuar meletak jawatan menyaksikan semua tapak web reformasi melancarkan kempen yang digelar 'bertafakur seketika' secara serentak dengan pengendalinya menutup laman masing-masing dengan warna hitam.

Dr Mahathir yang sudah sekian lama menjadi mangsa kritikan laman web berkenaan, menyindir pengendalinya yang disifatkan beliau sebagai 'berada dalam kelas dunia tersendiri' dengan mencipta pelbagai cerita dan khabar angin.

"Mereka (pengendali laman web terbabit) lebih baik daripada yang lain dalam dunia... berada dalam kelas dunia tersendiri dengan mencipta pelbagai perkara seperti kematian Perdana Menteri, kononnya saya jatuh kuda dan macam-macam lagi," sindirnya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata hanya dengan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang 10 Jun ini, akan dapat membuktikan dakwaan parti pembangkang mendapat sokongan padu rakyat adalah tidak benar.

Beliau berkata, selama ini parti pembangkang menganggap keputusan Pilihan Raya Umum 1999 menunjuk satu aliran ke arah yang memberi kemenangan kepada mereka.

"Tetapi sebenarnya keputusan 1999 itu disebabkan oleh kejayaan Pas melempar fitnah dan memperalatkan DAP dan Keadilan untuk kepentingan sendiri," katanya.

(END)

